

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN BUKAN LISAN**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DR. TAN SENG GIAW [KEPONG]

TARIKH :

SOALAN :

Dr. Tan Seng Giaw[Kepong] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan langkah-langkah yang cekap dan berkesan ke arah hutan berkekalan selaras dengan Akta Perhutanan Negara.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertuan,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, amalan pengurusan hutan di Semenanjung Malaysia adalah berpandukan kepada Dasar Perhutanan Negara 1978 (Pindaan 1992) yang bermatlamat untuk memelihara dan mengurus hutan Negara berdasarkan amalan-amalan Pengurusan Hutan Secara Berkekalan (PHSB) serta memelihara kepelbagaian biologi, sumber-sumber genetik serta meningkatkan penyelidikan dan pendidikan. Salah satu kriteria utama dalam PHSB ialah pengawalan terhadap pembukaan kawasan hutan untuk pengusahaan melalui pelaksanaan Catuan Tebangan Tahunan (CTT) yang diluluskan dan dipantau oleh Majlis Tanah Negara (MTN). Selain itu, Akta Perhutanan Negara 1984 (Akta 313) yang diterima pakai oleh semua negeri di Semenanjung Malaysia memperuntukkan supaya Pihak Berkuasa Negeri mengelaskan kawasan HSK di bawah satu atau lebih pengelasan mengikut fungsi kegunaannya yang mana hendaklah menggambarkan maksud atau maksud-maksud yang tanah itu digunakan seperti mana Seksyen 10, Akta Perhutanan Negara 1984.

Sekian, terima kasih.